

20/09/2001

Semua sekolah tambah cuti sehari

KUALA LUMPUR, Rabu - Kabinet meluluskan cuti umum pada 24 September ini untuk semua sekolah di negeri yang cuti mingguannya pada Sabtu dan Ahad, manakala 23 September bagi negeri yang bercuti pada Jumaat dan Sabtu.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata cuti umum untuk semua sekolah itu diputuskan pada mesyuarat Kabinet hari ini bagi menghargai sumbangan guru dan pelajar menjayakan Sukan Sea XXI. yang berakhir Isnin lalu.

Katanya, Kabinet bersetuju supaya sekolah yang minggu persekolahannya bermula Ahad diberi cuti umum pada 23 September ini manakala sekolah yang memulakan minggu persekolahannya pada Isnin diberi cuti umum pada 24 September.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersetuju dengan cuti umum itu kerana ramai guru dan lebih 8,000 pelajar terbabit secara langsung menjayakan Sukan Sea manakala ramai lagi yang keluar memberikan sokongan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kementeriannya di sini, hari ini.

Hishammuddin berkata, Kabinet juga sebulat suara merakamkan syabas dan tahniah kepada kontinjen negara, sukarelawan, polis, tentera, pelajar dan semua pihak yang memberikan sumbangan menjayakan Sukan Sea kali ini.

Sementara itu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata semua majikan di seluruh negara wajib menerima Sabtu ini sebagai hari kelepasan am seperti pengisytiharan Perdana Menteri sempena kejayaan cemerlang Malaysia dalam sukan itu.

Katanya, cuti am itu adalah tambahan cuti tahunan yang ditetapkan majikan serta sejajar dengan Seksyen 60 (D)(1)(b) Akta Kerja 1955.

Sehubungan itu, katanya, pekerja yang terpaksa bekerja pada hari berkenaan perlu dibayar gaji dua kali ganda atau diganti dengan satu hari yang lain.

"Semua majikan wajib mematuhi arahan itu dan tindakan akan diambil jika mereka gagal berbuat demikian. Mengikut Akta Pekerja 1955, majikan yang gagal mematuhi boleh dihadapkan ke mahkamah atau didenda maksimum RM10,000 bagi setiap kesalahan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis pengenalan Sistem Pendaftaran dan Penempatan Kerja, Sistem Sokongan Produktiviti Pejabat dan Projek Bursa Buruh Elektronik ELX di sini, hari ini.

Pada sidang akhbar selepas menutup Sukan SEA, Isnin lalu, Dr Mahathir mengisytiharkan Sabtu ini (22 September) sebagai cuti umum berikutan kejayaan Malaysia sebagai juara keseluruhan Sukan SEA.

Perdana Menteri berkata, cuti itu adalah hadiah kepada rakyat Malaysia kerana memberi sokongan kepada atlet negara sehingga membolehkan Malaysia menjadi juara buat pertama kali dalam sejarah 42 tahun temasya sukan serantau itu.

Malaysia meraih 111 pingat emas, 75 perak dan 85 gangsa mengalahkan juara bertahan Thailand yang mengumpul 103 emas, 86 perak dan 89 gangsa.

Dr Fong berkata, Ordinan Buruh Sabah dan Sarawak sekarang tidak mempunyai peruntukan yang mewajibkan majikan mengiktiraf cuti tambahan seperti diisytiharkan itu.

"Bagaimanapun, saya mempunyai kuasa menyediakan peraturan bagi mewajibkan majikan di Sabah dan Sarawak memberi cuti am bergaji. Penasihat undang-undang kementerian ini sudah dimaklumkan supaya menyediakan peraturan untuk diwartakan," katanya.

(END)